

SIMPAN FAIL  
(PWB)

63



## MAJLIS BANDARAYA IPOH

### ARAHAN PERBENDAHARAAN BIL : 15/2015

Fail Bil ( 63 ) dlm.MBI/B1/12/1/12

Jabatan Perbendaharaan  
Majlis Bandaraya Ipoh

8 Oktober 2015

**Semua Ketua Bahagian / Unit,  
Jabatan Perbendaharaan,  
Majlis Bandaraya Ipoh**

Tuan / Puan,

#### **PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN 2015**

Adalah saya dengan hormatnya memohon perhatian tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan Jabatan Perbendaharaan telah menetapkan garis panduan dan peraturan yang perlu dipatuhi bagi melicinkan proses penyediaan penyata kewangan untuk tahun 2015.
3. Jabatan Perbendaharaan telah menetapkan 2 proses penyediaan penyata kewangan 2015 iaitu:

a) **Penutupan Interim Penyata Kewangan (Tempoh Akaun Berakhir Pada 30 November 2015)**

Penutupan interim penyata kewangan 2015 bertujuan:-

- i) Memastikan semua pemerhatian audit tahun sebelumnya telah diambil tindakan dan diselesaikan dalam penyata kewangan tahun semasa (sekiranya ada).
- ii) Menyediakan laporan/dokumen sokongan bagi setiap item dalam penyata kewangan dengan lengkap, sempurna dan tepat.
- iii) Mengemaskini daftar/rekod/penyata/laporan yang sepatutnya diambilkira.
- iv) Persediaan awal penutupan akhir tahun bagi memastikan tindakan pelarasian akaun berkaitan disegerakan sebelum penutupan akhir tahun 2015.

**ARAHAN PERBENDAHARAAN BIL : 15/2015**

**PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN 2015**

**b) Penutupan Akhir Penyata Kewangan (Tempoh Akaun Berakhir Pada 31 Disember 2015)**

Penutupan akhir tahun penyata kewangan 2015 bertujuan menyediakan penyata kewangan yang lengkap dan tepat untuk dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara.

4. Sebagai panduan, bersama-sama ini disertakan jadual perancangan penyediaan penyata kewangan 2015.
5. Ketua Bahagian/Unit hendaklah memastikan semua dokumen hendaklah diserahkan kepada Unit Amanah, Jabatan Perbendaharaan mengikut jadual berikut:


Tarikh Penghantaran Dokumen	
Interim	Akhir
Sebelum 4 Disember 2015	Sebelum 15 Januari 2016

6. Oleh yang demikian, kerjasama dan tindakan semua ketua bahagian/unit, Jabatan Perbendaharaan bagi perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**'PEMBUDAYAAN INOVASI, PEMANTAPAN PRESTASI'**

Saya yang menurut perintah,

  
**(MOHD SYAZLAN BIN MOHD ISMAI SUFFIAN)**  
**Pengarah Perbendaharaan Bandaraya,**  
**b/p Datuk Bandar Ipoh.**